

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

IN THIS ISSUE:

- * Fun With Language
- * Written Articles
- * APB Rembau Activities
(March to October 2024)

**Majlis Apresiasi GOP 6.0 dan VISoS 3.0
Pusat Pengajian Kimia dan Alam
Sekitar bagi Tahun 2024.**

Ditulis oleh: ChM Dr Norliza Dzakaria,
Prof Madya Ts ChM Dr Tuan Sheikh
Ahmad Izaddin Sheikh Ghazali dan ChM
Nurul 'Ain Jamion

Pada 17 Mei 2024, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, telah melakar sejarah dengan penganjuran **Majlis Apresiasi** sulungnya. Bertempat di Hotel Royale Chulan Seremban, majlis ini dianjurkan bagi menghargai dedikasi semua ahli jawatankuasa yang telah berjaya menjayakan dua program utama di bawah PPKAS, iaitu **Global Outreach Programme 6.0 (GOP 6.0)** dan **3rd Virtual International Symposium of Sciences 3.0 (VISoS 3.0)**.

Majlis ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk mengiktiraf sumbangan tenaga kerja, tetapi juga memperkukuh hubungan silaturrahim antara ahli jawatankuasa dari dalam dan luar PPKAS. Setiap individu yang terlibat telah memberikan komitmen penuh, menyumbangkan masa dan tenaga demi memastikan kedua-dua program berjalan dengan lancar dan cemerlang.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada **Prof. Madya Ts. ChM Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali**, Koordinator Kimia dan Alam Sekitar, UiTM

Cawangan Negeri Sembilan, yang menzahirkan rasa bangga atas kerjasama erat semua pihak. Majlis kemudiannya dirasmikan oleh **Prof. Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad**, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan, yang turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan program-program tersebut.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran tiga wakil dari **CMH Special Hospital Seremban** iaitu **En. Mohd Fauzi Abu Bakar**, **Puan Haslinda Zamri**, dan **Puan Joanne Lee**, yang telah menaja slot **International Community Service Responsibility (ICSR)** semasa GOP 6.0. Kehadiran mereka menandakan sokongan kuat daripada pihak industri terhadap usaha akademik dan komuniti.

Majlis Apresiasi ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk memperkukuh hubungan antara semua pihak yang terlibat, sambil meraikan usaha keras yang telah menyumbang kepada kejayaan GOP 6.0 dan VISoS 2024.

Dengan dedikasi yang ditunjukkan, PPKAS berharap agar kerjasama yang terjalin akan terus berkembang untuk masa akan datang.



Gambar 1. Poster hebahan.



Gambar 2. Ucapan aluan oleh Koordinator PPKAS



Gambar 3. Ucapan perasmian oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



Gambar 4. Ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan GOP 6.0 dan VISoS 2024.